

09/10/2000

Swasta perlu seimbangkan pendidikan

Ridzuan Yop; Ahmad Che Doh

KEPALA BATAS, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu institusi pendidikan swasta melaksanakan pendekatan strategik bagi membantu kerajaan mengimbangi pembangunan sosial menerusi program pendidikan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, institusi pendidikan swasta seharusnya mencerminkan amalan yang menyokong usaha penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan, seperti termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Segala usaha harus diambil bagi memastikan tidak berlaku jurang antara institusi pengajian awam dan swasta hingga menjejaskan programimbangan sosial kerajaan," katanya.

Beliau berkata, keresahan mengenai perkara itu sudah mula disuarakan dan tidak boleh dibiarkan hingga menjejaskan hubungan kaum di negara ini.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, institusi pendidikan swasta dan awam perlu dijadikan tempat memupuk jalinan kerjasama antara kaum dalam usaha membina negara yang aman, makmur dan bertoleransi.

"Saya percaya pendekatan bijak institusi pengajian swasta dapat memberi kesan dan sumbangan bermakna dalam usaha melahirkan warga Malaysia berilmu dan berkemahiran," katanya pada majlis pecah tanah projek Taman Pendidikan Abdullah Fahim, Bertam di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Presiden Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Datuk Seri Abdul Rahman Maidin, Naib Presiden Eksekutif MRCB, Datuk Zahari Omar dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahathir Mohd Khir.

Projek berharga RM600 juta yang dimajukan MRCB dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMPP) itu, mengambil sempena nama datuk Timbalan Perdana Menteri, iaitu Allahyarham Abdullah Fahim - seorang ulama terkenal di rantau ini.

Projek di kawasan seluas 125.6 hektar di Bertam Perdana, Kepala Batas, Seberang Prai Utara (SPU), akan dibangunkan Cahaya Mutiara Properties Sdn Bhd, usaha sama antara MRCB Property Development Sdn Bhd (anak syarikat MRCB) dan Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang.

Dalam ucapannya, Abdullah juga mengingatkan pihak yang terbabit dalam bidang pendidikan supaya tidak mengorbankan kualiti pendidikan hanya kerana dipengaruhi keuntungan semata-mata.

Katanya, kualiti pendidikan sama ada kandungan pengajian, tenaga pengajar dan kemudahan perlu memenuhi keperluan minimum.

Beliau berkata, yuran pengajian yang dikenakan pula perlu berpatutan dengan mengambil kira keupayaan keluarga dan pelajar.

"Sekiranya kemudahan pendidikan hanya diperolehi sekumpulan elitis masyarakat berpendapatan tinggi, maka kita gagal memenuhi falsafah dan hasrat pendidikan sejati dan tulen," katanya.

Pada masa yang sama, Timbalan Perdana Menteri berharap kerajaan negeri merancang langkah strategik bagi membantu syarikat swasta meneroka pembangunan pendidikan.

"Usaha sektor swasta memajukan prasarana pendidikan hendaklah dihargai dan diberi bantuan supaya kemudahan ini dapat dinikmati lebih ramai masyarakat.

"Saya menyeru pihak berkuasa kerajaan menghulurkan bantuan dan sokongan bagi memastikan pembangunan pendidikan yang diterokai pihak swasta, terus disemarakkan," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan negeri boleh menimbang kadar premium tanah berbeza bagi pembangunan pendidikan termasuk kadar istimewa pertukaran

guna tanah; mengenakan cukai berlainan bagi institusi pendidikan selain mempercepatkan kelulusan pelan bangunan dan infrastruktur.

(END)